

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN KERANA MERAIKAN PERSARAAN
Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN DI DEWAN JAMUAN,
BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR
PADA 30HB APRIL, 1974

Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, Toh Puan Tan, Y.B. Menteri-menteri,
Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kita semua mengadakan jamuan makan malam yang tidak
sepertinya ini ialah untuk memberi penghormatan dan selamat
bersara kepada rakan seperjuangan kita iaitu Y.A.B. Tun Tan
Siew Sin. Tun Tan Siew Sin ialah seorang yang lama sekali menjadi
anggota Parlimen semenjak tahun 1948 iaitu mula-mula Majlis
Undangan Persekutuan ditubuhkan selepas perang dunia kedua
dahulu. Kemudian apabila kita mengadakan pilihanraya pada
tahun 1955, beliau telah dipilih menjadi Ahli Parlimen. Ini adalah
satu rekod yang tidak ada bandingnya dalam Malaysia kita ini.
Begitu juga beliau telah berkhidmat sebagai Menteri mulai
daripada 1957, mula-mula sebagai Menteri Perdagangan dan
Perusahaan; kemudian pada tahun 1959 sebagai Menteri
Kewangan. Beliau telah memegang jawatan sebagai Menteri
Kewangan selama hampir lima belas tahun dan inipun satu rekod
yang tidak ada bandingnya, bukan sahaja di negara kita bahkan
di seluruh dunia.

Oleh itu, dengan persaraan Tun Tan, kita kehilangan seorang
rakan yang telah memberi perkhidmatan yang sangat cemerlang
kepada bangsa dan negara, baik sebagai Menteri mahupun sebagai
Anggota Parlimen. Bagi diri saya sendiri, persaraan beliau adalah
bermakna saya kehilangan seorang rakan dalam Kabinet yang
telah memberi perkhidmatan dengan penuh kejujuran dan taat
setia yang penuh (with undoubted loyalty).

Jasa beliau sebagai Menteri Kewangan adalah terang dan
nyata kepada kita semua. Kesetabilan kewangan dan ekonomi
negara kita pada hari ini adalah hasil daripada dasar-dasar yang
dijalankan oleh Tun Tan. Nyatalah bahawa perkhidmatan beliau
kepada bangsa dan negara tetap akan dicatit dengan tinta emas
dalam sejarah tanahair kita bagi ingatan jenerasi-jenerasi akan
datang dan juga bagi ingatan sejarah.

Ladies and Gentlemen.

As one of the national leaders of our country and the leader of the Chinese community, Tun Tan has always held the view that the future of our country lies in close co-operation among the various communities that have made this country their home. As leader of the MCA, he has always worked with dedication and sincerity towards this end and that's why whenever we faced any sensitive issue affecting our multi-racial society, we could always talk together frankly and objectively to arrive at an acceptable solution. Tun Tan had always shown a clear vision of the future and sincerity of purpose in whatever he did.

I remember two important occasions distinctly—one, when we had to discuss the provisions of the Constitution for independent Malaya at that time. It was Tun Tan's understanding and sense of fair play that played a great part in enabling us to reach agreement on the provisions of the Constitution on certain sensitive issues such as language, religion, citizenship and the special position of the natives as well as the legitimate interests of the different communities. The other one was when I had to formulate our National Education Policy, Tun Tan again was responsible for enabling a complete agreement to be reached on this controversial matter. Therefore, Tun Tan can certainly be regarded as one of the founders and builders of this Nation of ours.

We are grateful to Allah that despite very serious operation he had to undergo, he is now steadily recovering his health and strength. I am grateful to him for continuing to offer his support to the Government and also to the Alliance Party. Therefore, when his health permits and he has fully recovered his strength, I propose to invite him to be a Financial Adviser to the Government. I have no doubt that his vast reservoir of experience in financial matters would certainly be of great assistance to us and indeed to the world in the present stage of economic and monetary instability.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita berharap dan berdoa mudah-mudahan dalam masa persaraannya, Tun Tan, Toh Puan Tan dan keluarganya akan sentiasa berada dalam keadaan sihat. Sungguhpun kita tahu Tun Tan suka hendak menembak barang-barang ganas seperti singa

dan rimau tetapi kita berharap ia berjaga-jaga supaya kesukaannya itu tidak mengganggu kesihatannya. Kita berharap beliau sentiasa mengawasi kesihatannya supaya dipanjangkan umur dan lama lagi dapat bersama dengan kita semua.

Sebagai tanda penghargaan kita kepada jasa-jasa Tun Tan dan dengan harapan dan doa moga-moga beliau akan berada dalam keadaan sihat dan sejahtera, saya bagi pihak rakan-rakan dalam Jemaah Menteri sukacita menghadihkan satu cenderamata yang tidak seperti ini iaitu sebutir talam yang mempunyai tanda tangan semua Ahli-ahli Jemaah Menteri. Saya berharap hadiah yang tidak seperti ini akan memberi ingatan kepada Tun Tan bahawa sungguhpun beliau sekarang telah bersara, beliau adalah sentiasa dalam ingatan, kenangan dan kasih mesra rakan-rakan seperjuangannya. This is a token of our appreciation for what he has done for the country as well as a mark of our great respect and affection for him.

We have also a small present for Toh Puan Tan for the services that she has rendered by so meticulously looking after the health of Tun Tan and for being a devoted, loving and understanding wife.

Saya mohon sekalian yang hadir bangun bersama-sama dengan saya untuk memberi minuman selamat kepada Tun Tan dan Toh Puan Tan mudah-mudahan mereka dipanjangkan umur dan sentiasa dalam keadaan sihat dan bahagia.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan perayaan Jubli Perak Malaysia Trade Union Congress (MTUC) di bangunan MTUC, Petaling Jaya pada 1hb Mei, 1974

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)